

**TEKS UCAPAN
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENGIKTIRAFAN PEROLEHAN RM1
JUTA KOPERASI SEKOLAH**

3 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)
9.00 PAGI
SMK SAUJANA UTAMA, SUNGAI BULOH
SELANGOR

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan
Salam Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

**[SALUTASI TERKINI AKAN DILETAKKAN DI
ATAS ROSTRUM]**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berhimpun pada hari ini sempena Majlis Anugerah Pengiktirafan Koperasi Sekolah RM1 Juta

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas atas kejayaan

Koperasi SMK Saujana Utama Berhad kerana telah menjadi salah satu koperasi yang tergolong dalam kumpulan Kelab RM1 Juta.

3. Penganjuran program ini merupakan salah satu bentuk penghargaan ANGKASA kepada Koperasi SMK

Saujana Utama Berhad atas daya usaha cemerlang baik dari pemimpin, ahli jawatankuasa serta para pelajar yang komited memajukan perniagaan koperasi biarpun mempunyai tugas dan tanggungjawab di sekolah. Semangat inilah yang kita mahukan kerana untuk menjadi usahawan yang berjaya di luar

sana, usaha tanpa lelah merupakan kunci kepada kejayaan sesebuah perniagaan

Hadirin hadirat pelajar yang dikasihi sekalian,

4. Dari dulu hingga kini, sektor koperasi memainkan peranan besar dalam

meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia dan menjadi sektor ketiga penyumbang ekonomi negara. Dalam hal ini, gerakan koperasi sekolah juga memainkan peranan penting setaraf dengan koperasi dewasa.

5. Sehingga Disember 2022, terdapat **2,481** koperasi sekolah yang berdaftar dengan keanggotaan berjumlah **dua (2) juta orang**. Berdasarkan data, gerakan koperasi sekolah juga, mempunyai modal saham dan yuran terkumpul sebanyak **RM29.9 juta**, dengan aset berjumlah **RM439.02 juta**

serta perolehannya mencecah
RM298.76 juta.

6. Angka ini membuktikan bahawa koperasi memainkan peranan besar dalam menjana pendapatan untuk sekolah dan mampu menyeimbangi

aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid.

7. Suka untuk saya maklumkan sehingga ke hari ini, telah ada 23 buah koperasi sekolah di seluruh negara yang telah mencapai perolehan RM1 Juta dan kita jangka ada beberapa buah lagi yang

akan turut mencapai perolehan serupa dalam masa terdekat ini.

8. ANGKASA berasa bangga dengan kesungguhan dan minat yang ditunjukkan oleh anggota koperasi sekolah dalam menjayakan koperasi

sekolah sehingga berada pada tahap hari ini.

Hadirin hadirat, para pelajar yang dikasihi sekalian,

9. Koperasi sekolah merupakan salah satu tempat untuk mengembangkan

kebolehan dan bakat murid dalam pelbagai bidang terutamanya bidang keusahawanan. Murid-murid harus ingat, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, bukan sahaja keuntungan yang diberi perhatian, tetapi terdapat nilai-nilai yang lebih penting daripada itu, iaitu amanah,

jujur, prihatin, gigih dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Ini merupakan antara ciri utama dalam menjayakan hasrat kerajaan untuk melahirkan usahawan cemerlang yang mampu melonjakkan ekonomi dan menjadikan Malaysia Negara Keusahawanan menjelang 2030 seperti

yang terkandung dalam Dasar Keusahawan Nasional 2030 (DKN2030)

10. Peranan yang boleh dimainkan koperasi sekolah kini, bukan sahaja untuk menerapkan prinsip-prinsip dan jati diri koperasi, tetapi ia juga selaras dengan Falsafah Pendidikan

Kebangsaan yang berpaksikan kepada melahirkan modal insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek.

11.Selain itu, dengan angka keanggotaan koperasi sekolah yang agak memberangsangkan, saya

percaya koperasi sekolah juga mampu membantu kerajaan menangani isu-isu yang berkaitan dengan kepenggunaan. Contohnya, penjualan barang keperluan pada harga yang berpatutan dengan bekalan terjamin melalui program Barang Asas 100 (BA100). BA adalah jualan harga

barangan runcit seperti beras, minyak, gula dan lain-lain untuk keperluan guru-guru dan kakitangan dengan harga yang berpatutan seperti yang disarankan oleh kerajaan.

Hadirin hadirat, para pelajar yang dikasihi sekalian,

12. Sekali lagi, sebagai Presiden ANGKASA, mewakili seluruh kepimpinannya, saya ucapkan tahniah dan syabas atas komitmen anda semua dalam menjadikan koperasi sekolah sebagai platform berkesan mendidik dan membentuk anak – anak kita dengan nilai keushawanan koperasi.

13. Semoga kejayaan seperti ini diteruskan dan menjadi inspirasi kepada koperasi sekolah yang lain untuk berjaya dalam aktiviti perniagaan masing-masing.

14. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi penghargaan

kerana kesudian menjemput saya ke
majlis ini.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah.
Wassalamualaikum WBT.